

UCAPAN : DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

ACARA : UPACARA PERASMIAN KAMPUS INDUK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TEMPAT : UNIVERSITI MALAYSIA SABAH KOTA KINABALU, SABAH

TARIKH : 19 SEP 2000

MASA:

Saya ingin merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana telah mengundang saya ke Upacara Perasmian Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah pada hari ini.

2. Seperti yang kita sedia maklum penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS), universiti awam yang kesembilan di negara kita, merupakan suatu penyempurnaan janji yang telah dibuat oleh Kerajaan kepada rakyat Sabah khususnya. Saya sendiri telah membuat janji tersebut bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional. Selepas saya melafazkan janji itu pada tahun 1994 saya telah datang semula ke tempat ini pada tahun 1995 untuk upacara pecah tanah, dan pada Februari 1999 untuk lawatan meninjau kemajuan UMS. Kini saya datang sekali lagi ke tempat yang sama untuk Upacara Perasmian Kampus Induk UMS yang baru lagi indah permai ini.

3. Saya sentiasa mengikuti perkembangan UMS dan pembinaan kampus ini. Sehubungan dengan ini juga, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, khususnya pihak pengurusan dan tenaga pengajar UMS, atas usaha mereka yang pantas lagi cekap dalam menjelmakan janji menjadi kenyataan dalam tempoh masa kurang dari enam tahun. Kini saya difahamkan sembilan sekolah, dua institut, semua jabatan pentadbiran Universiti serta tempat kediaman pelajar telah beroperasi sepenuhnya di kampus induk ini. Selain itu UMS juga mempunyai Kampus Cawangan Antarabangnya di Labuan. Pembinaan seterusnya bergantung kepada keadaan ekonomi, kestabilan politik dan rancangan-rancangan akademik yang memenuhi keperluan negara.

4. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf pendidikan setiap rakyat supaya taraf hidup mereka menjadi lebih baik dan tinggi hasil peningkatan keupayaan mereka. Pendidikan merupakan satu batu loncatan untuk individu yang ingin maju dan juga bagi pembangunan bangsa dan negara ke arah kemajuan yang

sama dengan negara-negara maju. Namun kita harus ingat bahawa bersama-sama dengan penguasaan ilmu pengetahuan, rakyat juga perlu mempunyai nilai-nilai hidup yang mulia yang akan menentukan ilmu yang diperolehi digunakan dengan baik dan berhasil. Gandingan antara ilmu dan budaya yang mulia dan tinggi adalah kunci sebenarnya kepada kebahagiaan hidup individu dan kemajuan bangsa dan negara. Sebaliknya jika ilmu yang diperolehi digunakan untuk kegiatan yang tidak sihat dan tidak bertanggungjawab, maka akan rosaklah individu, masyarakat dan negara.

5. Banyak bangsa di dunia yang memiliki ilmu yang tinggi tetapi menggunakannya untuk menindas bangsa-bangsa yang lemah. Demikian ilmu fizik digunakan untuk mencipta senjata dan bom yang boleh memusnahkan ramai manusia dan dengan ini dapatlah mereka menakluk negara-negara yang miskin dan lemah. Ilmu matematik digunakan untuk perniagaan matawang yang menyebabkan kegawatan ekonomi dan kewangan berlaku dan memiskinkan negara membangun serta rakyatnya.

6. Di zaman ini ilmu berkenaan dengan Teknologi Maklumat (I.T.) adalah amat penting. Ia boleh mendatangkan banyak kebaikan bahkan kekayaan bagi mereka yang menguasainya. Tetapi kerana tidak memiliki budaya yang mulia ada yang menggunakan I.T. dan Internet untuk menyebarkan bahan-bahan lucah dan fitnah serta pembohongan. Amatlah mendukacitakan bahawa sementara sebahagian daripada rakyat Malaysia menggunakan Internet untuk mendapatkan ilmu dan maklumat yang berguna, sebahagian lagi yang memiliki budaya yang keji menggunakan Internet untuk melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan menimbulkan kebencian kepada pihak tertentu.

7. Yang jelas ialah apabila ilmu dimiliki oleh orang yang buruk budi pekerti, maka bukan sahaja pemilik ilmu ini akan berkelakuan buruk, tetapi masyarakat juga akan diheret turun ke lembah kehinaan. Justeru itu penguasaan ilmu di institusi pelajaran rendah dan tinggi perlu disertai dengan didikan dalam bidang moral dan etika. Kursus yang teratur perlu diadakan bagi semua penuntut dalam bidang etika dan moral supaya ilmu yang diperolehi tidak disalahgunakan.

8. Kerajaan telah mencuba menerapkan nilai-nilai mulia Islam dalam Kerajaan. Malangnya ada antara mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menolong kakitangan Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam, yang mengkhianati tujuan yang mulia ini dengan memutarbelitkan ajaran Islam supaya ia menjadi propaganda parti politik. Hasilnya ialah jauh daripada menerapkan nilai-nilai Islam, ada pegawai Kerajaan yang menerapkan nilai yang bertentangan dengan Islam. Mereka menjadi pegawai yang tidak beramanah dan tidak bertanggungjawab sehingga pentadbiran tidak lagi

profesional dan menyumbang kepada kemajuan negara.

9. Oleh kerana itu apabila institusi pelajaran tinggi mengadakan kursus moral dan etika serta pelajaran agama Islam, amatlah penting mereka yang dipertanggungjawabkan diawasi supaya tidak berlaku penyelewengan dan pengkhianatan terhadap usaha murni ini. Mereka yang mengurus dan mengajar perlu berikrar akan menunaikan kewajipan mereka secara ikhlas dan jujur. Jika mereka menyeleweng, maka mereka harus disingkirkan. Syarat-syarat ini perlu dikenakan supaya kita benar-benar dapat menyemai dan memupuk nilai-nilai yang mulia di kalangan mereka yang akan dibekalkan dengan ilmu supaya mereka dapat menyumbang kepada masyarakat yang membiayai pelajaran mereka.

10. Sesuatu bangsa itu tidak akan maju dan berjaya jika bangsa itu tidak memiliki ilmu dan budaya yang mulia. Institusi pendidikan di semua peringkat harus faham dan ingat akan perlunya gabungan antara ilmu pengetahuan dan budaya yang mulia. Dengan menumpu kepada kedua-dua ini maka institusi pendidikan tinggi akan menolong menentukan kemajuan negara akan tercapai.

11. Universiti bukanlah hanya satu gedung ilmu atau menara gading yang terpisah daripada masyarakat di sekeliling. Dan universiti milik Kerajaan yang menggunakan wang rakyat seperti Universiti Malaysia Sabah ini perlu mengambilkira kepentingan rakyat dan negara. Ini bermakna segala-segala yang dilakukan oleh universiti awam hendaklah bertujuan memenuhi kepentingan rakyat dan negara. Sesiapa yang membelakangkan kepentingan rakyat seperti yang ditentukan oleh Kerajaan pilihan majoriti, tetapi sebaliknya mengutamakan kepentingan diri atau satu puak tertentu, tidaklah layak diberi kepercayaan oleh Kerajaan yang memerintah. Semua pihak dalam universiti awam, daripada pentadbir dan tenaga pengajar sehingga ke penuntut yang diberi biasiswa atau tidak, harus mengingati hakikat ini dan menjadikannya panduan sepanjang masa. Saya tahu UMS memang berpegang kepada panduan ini dan saya mengalu-alukannya.

12. Kita mesti mengkaji semula peranan universiti dalam alaf baru ini, alaf yang begitu mencabar. Kita dengar berulang-kali bahawa dunia ini sudah menjadi kecil sehingga ditakrif sebagai sebuah kampung sahaja. Ini adalah kerana kemajuan yang pesat dalam bidang teknologi komunikasi, termasuk kemudahan bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Tidak ada mana-mana tempat di dunia yang jaraknya lebih dari 18 jam penerbangan dari tempat yang lain.

13. Daripada segi perhubungan pula kita boleh dengar dan lihat sesuatu yang berlaku di mana-mana tempat di dunia semasa ia berlaku. Tidak ada sesuatu yang boleh disekat oleh sempadan sesebuah negara. Sempadan sudah

kurang maknanya sebagai benteng yang mengasing dan melindungi negara. Oleh kerana ini maka hari ini kita bercakap berkenaan dengan dunia tanpa sempadan, berkenaan globalisasi.

14. Perubahan ini membawa banyak cabaran kepada kita semua. Kita telah lihat bagaimana mudahnya orang asing dapat merosakkan ekonomi negara kita dengan menjatuhkan nilai Ringgit kita tanpa menjejak kaki di bumi kita. Kita bernasib baik kerana Kerajaan berjaya mencipta cara untuk memulih semula kedaulatan kewangan kita kali ini. Tetapi serangan dari jarak jauh ini masih boleh dibuat dalam bidang lain. Melalui Internet budaya kita diserang dengan menyebarkan bahan lucah dan nilai-nilai hidup yang boleh merosakkan segala-gala yang kita pandang mulia. Melalui dagangan elektronik peniaga dan Kerajaan boleh ditekan sehingga menjadi miskin.

15. Tetapi sebaliknya jika kita mempunyai iman yang kuat dan kita kuasai teknologi dan kecekapan menggunakan sistem komunikasi elektronik ini kita bukan sahaja akan dapat menangkiskan serangan-serangan ke atas kita, tetapi sebaliknya kita akan dapat melintasi sempadan negara asing dan meraih kekayaan yang ada kepada mereka. Justeru itu, amat penting universiti kita membuat kajian dan penjelasan berkenaan dengan globalisasi dan dunia tanpa sempadan serta teknologi-teknologi komunikasi yang membawa perubahan-perubahan yang amat radikal ini. Aplikasi teknologi yang terancang dalam semua bidang hendaklah dikaji-selidik, difahami dan digunakan. Lulusan universiti hendaklah diberi latihan dan ilmu yang mencukupi untuk menangani cabaran dunia tanpa sempadan supaya bukan sahaja kita dapat menyelamatkan negara kita tetapi juga kita akan dapat meraih banyak keuntungan bahkan nikmat daripadanya.

16. Masalah pencapaian Bumiputera yang diberi peluang belajar di universiti perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Menambah kuota Bumiputera tidak dengan sendirinya menghasilkan keputusan yang lebih baik. Walaupun 60 peratus daripada kemasukan ke universiti terdiri daripada Bumiputera, peratusan yang lulus amat mengecewakan. Lagipun yang lulus tidak mendapat kelas yang tinggi.

17. Apakah sebabnya? Siswa amat marah jika mereka disuruh menumpukan kepada pelajaran, tetapi hakikatnya ialah jika tidak ada tumpuan yang serius kepada pelajaran mustahil kejayaan dalam peperiksaan akan tercapai.

18. Rakyat rela Kerajaan membelanjakan wang rakyat yang banyak untuk memberi pelajaran kepada penuntut Bumiputera. Tetapi rakyat tidak rela wang itu dibazirkan dengan penuntut menghabiskan masa dan tenaga dalam kegiatan yang tidak ada kena-mengena dengan

tujuan wang itu diperuntukkan, iaitu mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan. Jika penuntut tidak berminat belajar adalah lebih baik mereka tidak diberi peluang belajar dan tempat mereka diberi kepada yang ingin belajar secara serius.

19. Universiti pula perlu menentukan tenaga pengajar bukan sahaja mengajar mengikut jadual tetapi mengambil berat akan pencapaian penuntut Bumiputera yang diserahkan kepada mereka. Jika perlu profesor dan pensyarah hendaklah memberi 'coaching' kepada penuntut yang lemah. Amat malang sekali apabila didapati sebilangan kecil daripada tenaga pengajar, termasuk yang dihantar ke luar negeri untuk melayakkan mereka menjadi pensyarah, menghasut penuntut supaya membenci Kerajaan. Hanya kerana ini sahaja pun ramai penuntut tidak dapat menumpukan pelajaran. Saya harap tenaga pengajar di universiti akan bersama-sama menentukan penuntut Bumiputera terutamanya mencapai kejayaan yang cemerlang. Saya harap dan yakin harapan dan gesaan ini tidak akan dipersia-siakan oleh pihak universiti.

20. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak UMS di hari yang penuh bermakna baginya ini.

21. Dengan sukacitanya dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, maka saya dengan ini mengisytiharkan Perasmian Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah.